

# DENGGI



**Demam Denggi** merupakan sejenis penyakit yang disebabkan oleh jangkitan virus Denggi (genus *Flavivirus*) yang disebarkan oleh **Nyamuk Aedes** betina. Cara penyebarannya ialah melalui gigitan nyamuk aedes orang yang berpenyakit virus denggi kepada orang yang sihat. Terdapat dua jenis denggi yang paling berat iaitu Demam Hemoragik Denggi (DHF) dan Sindrom Kejutan Denggi (DSS).

Virus Denggi akan terpendam di dalam badan pesakit selama 3 - 14 hari (purata 4 hingga 6 hari) sebelum menunjukkan tanda-tanda. Pesakit mungkin akan mengalami demam mengejut diikuti dengan berbagai-bagai tanda dan gejala tidak khusus.

Denggi dan denggi berdarah merupakan penyakit febril akut (*acute febrile*), dijumpai di kawasan tropika, dengan taburan geografi serupa dengan malaria. Disebabkan oleh satu daripada empat virus *serotype* yang berkait rapat dari genus *Flavivirus*, famili *Flaviviridae*, setiap *serotype* cukup berbeza menjadikan tiadanya perlindungan bertindan (*cross-protection*) dan wabak denggi yang disebabkan oleh pelbagai *serotype* (*hyperendemicity*) boleh berlaku. Denggi disebarkan kepada manusia oleh **Nyamuk Aedes aegypti** (hanya kadang-kala oleh *Aedes albopictus*).

## “HAPUSKAN AEDES CEGAH DENGGI”



OHS Poster  
Okt 2012  
Inspectorate Unit RBAF

Apakah tanda-tanda demam denggi?

- ✓ Demam kuat yang mengejut dan berterusan
- ✓ Bintik merah pada kulit
- ✓ Sakit teruk pada tulang-tulang, otot-otot, sendi-sendi, biji mata dan kepala
- ✓ Berdarah pada badan, hidung dan mulut
- ✓ Hilang selera makan
- ✓ Muntah-muntah
- ✓ Sakit perut
- ✓ Rasa pahit pada lidah
- ✓ Lemah dan tidak bermaya

Bagaimana demam denggi boleh berjangkit?

- ✓ Nyamuk aedes membawa kuman demam denggi
- ✓ Seorang yang sihat digigit oleh nyamuk aedes
- ✓ Pesakit demam denggi mengandungi kuman denggi di dalam badannya.
- ✓ Nyamuk aedes menggigit pesakit denggi

Berikut adalah langkah-langkah pencegahan utama:

- Perlindungan dari gigitan nyamuk.
- Elak dari melawat atau berkunjung ke kawasan berisiko tinggi pada siang hari.
- Musnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk terutama tempat adanya air bertakong.
- Hapuskan nyamuk *Aedes* dewasa.
- Lindungi diri anda dari gigitan nyamuk
- Elakkan dari membuat lawatan ke kawasan berisiko tinggi di waktu siang

Setakat ini tiada rawatan yang spesifik bagi membunuh virus denggi.

**Rawatan Demam Denggi Biasa:** Rawatan yang diberi adalah untuk menstabilkan pesakit bergantung kepada keadaan pesakit iaitu, mengurangkan demam (suhu badan) dan mengelakkan dari perdarahan berlaku.

**Rawatan Demam Denggi Berdarah:** Demam yang sangat panas, kehilangan selera makan dan muntah menyebabkan dehidrasi. Pesakit digalakkan supaya minum air lebih banyak. Demam yang sangat panas meningkatkan risiko terjadinya sawan, oleh itu demam patut dikawal dengan antipiretik.

Pesakit juga diawasi supaya gejala perdarahan dan sawan dapat dikesan awal. Masa yang paling genting ialah pada hari ke 3 hingga hari ke 7. Pemberian aliran intravena perlu jika sekiranya kiraan hematokrit meningkat kerana ia menggambarkan darjah kehilangan plasma.